



SIARAN MEDIA

KERJASAMA STRATEGIK AGENSI ANGKASA MALAYSIA (MYSA) DAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM) PERKASA PENGGUNAAN TEKNOLOGI ANGKASA DALAM PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN BERTERASKAN REVOLUSI INDUSTRI 4.0 (IR4.0)

JOHOR, 24 April 2025 – Agensi Angkasa Malaysia (MYSA), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) hari ini telah menandatangani satu Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) bertempat di Fakulti Alam Bina dan Ukur (FABU), UTM. MoU ini telah ditandatangani oleh YBhg. Dato' Gs. Haji Azlikamil bin Napiah, Ketua Pengarah MYSA dan YBrs. Prof. Dr. Rosli bin Md Illias, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) yang mewakili YBrs. Prof. Dr. Mohd Shafry bin Mohd Rahim, Naib Canselor UTM.

Melalui MoU ini, kedua-dua pihak bersetuju untuk menjalinkan kerjasama strategik merangkumi tiga skop utama iaitu:

- i. penyelidikan dan pembangunan metodologi baharu dan modul aplikasi pintar bagi bidang teknologi angkasa dan geospasial (huluan dan hiliran);
- ii. pelaksanaan program latihan, pemindahan teknologi dan pembangunan modal insan dalam teknologi berkaitan; dan
- iii. pelaksanaan program promosi teknologi angkasa dan teknologi berkaitan.

Menurut YBhg. Dato' Gs. Haji Azlikamil bin Napih, Ketua Pengarah MYSA, "Pemeteraian MoU ini amat signifikan ketika negara sedang melaksanakan pembangunan sektor angkasa secara terancang dan berdaya saing. Kerjasama ini dapat membuka lebih banyak peluang penerokaan bidang baharu, memperluaskan jaringan perkongsian maklumat dalam bidang sains dan teknologi angkasa serta memperkukuh kompetensi pegawai kedua-dua pihak melalui program latihan serta pemindahan teknologi".

Tambah beliau, jalinan kerjasama strategik ini juga seiring dengan peranan MYSA dalam menerajui pelaksanaan Dasar Angkasa Negara 2030 (DAN2030) serta selaras dengan matlamat Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) yang diterajui oleh MOSTI. Pendekatan ini juga merupakan salah satu usaha holistik untuk merealisasikan inisiatif *ASEAN Space Economy MOSTI* iaitu menjadikan angkasa sebagai sumber ekonomi baharu negara yang berpotensi menyumbang kepada perkembangan sektor lain seperti pendidikan, pertanian, komunikasi, pengangkutan dan sektor perkhidmatan yang berkaitan.

Sementara itu, YBrs. Prof. Dr. Rosli bin Md Illias, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UTM berkata, "Kerjasama strategik ini membuka peluang yang luas kepada warga UTM khususnya kepada penyelidik dan pelajar untuk terlibat secara langsung dalam projek-projek berimpak tinggi berkaitan teknologi angkasa dan geospasial. Ia bukan sahaja memperkukuh keupayaan penyelidikan universiti, malah menyumbang kepada pembangunan bakat muda dalam bidang yang pesat berkembang ini."

Beliau turut menekankan bahawa penguasaan teknologi sains angkasa dan geospasial dalam bidang seperti *remote sensing*, geoinformatik dan geomatik merupakan antara pamacu utama kepada penyelidikan berimpak tinggi dalam mendepani era Revolusi Industri 4.0 ini. Kerjasama strategik ini juga dapat memperkukuh kedudukan UTM sebagai hab kecemerlangan dalam bidang

teknologi angkasa dan geospatial, selaras dengan aspirasi *enVision UTM 2030* untuk menjadi universiti terunggul yang menyediakan pendidikan dan penyelidikan bertaraf dunia. Sehingga kini, UTM telah melahirkan kira-kira 5,000 graduan prasiswazah dan pascasiswazah dalam bidang angkasa dan bidang-bidang lain yang berkaitan.

Seiring dengan prinsip keMampanan, kesejAhteraan dan Daya cipta di bawah aspirasi Membangun Malaysia MADANI, inisiatif ini memperlihatkan komitmen jitu kedua-dua pihak untuk memperkasa penyelidikan dan pembangunan berteraskan teknologi angkasa termasuk *remote sensing*, geoinformatik, geomatik dan pelbagai bidang lain yang berkaitan. Usaha ini dijangka mampu melahirkan lebih ramai penyelidik dan graduan berkemahiran tinggi dalam bidang teknologi angkasa, menghasilkan penerbitan dan inovasi berimpak tinggi dan seterusnya memperkukuh ekosistem penyelidikan negara.

Majlis turut dihadiri oleh YBrs. Prof. Sr Dr. Kherun Nita binti Ali, Dekan FABU, UTM; pengarah-pengarah bahagian dan ahli projek kedua-dua agensi.

TAMAT



Dikeluarkan bersama oleh;

Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

Pautan gambar dan kapsyen:

https://drive.google.com/drive/folders/1OQzhPVXNRkgiCMfrc2U7Z32TUDFnkj_pL?usp=sharing

Maklumat perhubungan:

MYSA

Puan Norafiza Saleha binti Sahlan
Pengarah
Bahagian Perancangan dan Komunikasi Strategik
fiza@mysa.gov.my | 016-2631020

Puan Nor Diana binti Mohamad Sadek
Pegawai Perhubungan Awam
Bahagian Perancangan dan Komunikasi Strategik
diana.sadek@mysa.gov.my | 016-3241593

UTM

Dr. Nurul Hazrina binti Idris
Pengurus Hubungan Luar dan Global
Fakulti Alam Bina dan Ukur
nurulhazrina@utm.my | 018-2118283

Dr. Aimi binti Musa
Ahli Jawatankuasa Media MoU
Fakulti Alam Bina dan Ukur
aimi.musa@utm.my | 013-7336689